

KONFLIK UIGHUR DI XINJIANG, CHINA: PEMAHAMAN DARI SUDUT PENDEKATAN SEGI TIGA KONFLIK GALTUNG

The Uighur Conflict in Xinjiang, China: Understanding from the Perspective of the Galtung's Conflict Triangle Approach

¹CHE MOHD AZIZ BIN YAACOB

²NOR AZURA A RAHMAN

^{1,2}School of International Studies, College of Law,
Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia

¹cmaiz@uum.edu.my

²nrazura@uum.edu.my

Tarikh dihantar: 29 September 2021 / Tarikh diterima: 15 Disember 2021

Abstrak Pergolakan antara etnik Uighur dan Kerajaan China sudah lama diperkatakan. Bermula pada tahun 1949 sehingga kini, konflik ini masih belum reda malah mengakibatkan ribuan nyawa terkorban dan harta benda musnah. Kedua-dua pihak masih memperjuangkan matlamat dan kepentingan masing-masing dan belum bersedia untuk mencari penyelesaian. Penulisan ini memfokuskan kepada pendekatan Segi tiga Konflik sebagai alternatif untuk memahami konflik yang bersifat berulang-ulang ini (*Protracted Social Conflict*). Terdapat tiga elemen utama dalam Pendekatan Segi tiga Konflik iaitu Situasi, Sikap dan Tingkah laku. Ketiga elemen ini saling berkaitan antara satu sama lain yang mendorong kepada turun dan naik intensiti konflik. Penulisan ini merujuk kepada sumber-sumber sekunder yang melibatkan perbincangan dalam buku, jurnal, hasil kajian, laporan media dan lain-lain lagi. Data yang diperoleh ini kemudiannya dianalisis melalui pengaplikasian elemen Segi tiga Konflik sebagai alternatif memahami konflik yang berpanjangan tersebut. Kebergantungan antara tiga elemen ini membolehkan kita memahami punca-punca konflik tersebut terperangkap di intensiti yang ekstrem. Hasil daripada pengaplikasian elemen Segi tiga Konflik ini mendapati bahawa dari sudut ‘Situasi’, konflik tersebut berlaku akibat perebutan Wilayah Xinjiang (konflik material) antara etnik Uighur dan Kerajaan China dan kini telah bertukar kepada konflik nilai (agama dan identiti) sehingga sukar dikompromi dan diselesaikan. Begitu juga dengan elemen ‘Sikap’, apabila konflik yang berpanjangan tersebut telah meningkat elemen psikologi yang tidak terkawal seperti marah, benci, cemburu, imej musuh, stereotaip dan prejudis. Akhirnya, ia membentuk elemen ‘Tingkah laku’ yang memaksa, memujuk, mengugut, ancaman, diskriminasi, asimilasi

dan pembunuhan. Salah satu contoh ialah penahanan kem pendidikan dan vokasional ke atas etnik Uighur di Xinjiang yang merupakan tingkah laku asimilasi yang melibatkan ancaman dan ugutan; ia berkaitan dengan elemen psikologi stereotaip dan *double standard* Kerajaan China ke atas etnik Uighur.

Kata kunci: Konflik Xinjiang, etnik Uighur, Kerajaan China, Segi tiga Konflik, hak asasi manusia.

Abstract The unrest between the Uighurs and the Chinese government has elongated for quite a long time. Since 1949, the conflict has not subsided and resulted in thousands of lives lost and property destruction. Both sides are still fighting for their respective goals and interests, and not ready to find solutions. This paper focuses on the Galtung's Conflict Triangle Approach as an alternative to understand this recurring conflict (Protracted Social Conflict). There are three main elements in the Conflict Triangle Approach namely Situation, Attitude and Behavior. These three elements are interconnected, leading to escalated and de-escalated of conflict intensity. This paper has made reference to secondary sources involving discussions in books, journals, research results, media reports and others. In order to understand the protracted social conflict, the data obtained are analyzed using the application of the Conflict Triangle. The interdependence between these three elements allows us to understand the causes of this conflict is trapped in extreme intensity. As a result of the application of the Conflict Triangle elements, it is found that from the 'Situation' point of view, there is a dispute over Xinjiang province (material conflict) between the Uighur ethnic group and the Chinese government in which has turned into a values conflict (religion and identity) that is difficult to compromise and resolve. Attitude is found as an element from the protracted social conflict which was resulted to an uncontrollable psychological element such as anger, hatred, jealousy, enemy images, stereotypes and prejudice. Eventually, it forms the behavior element of coercion, persuasion, intimidation, threats, discrimination, assimilation and murder. One example is the establishment of educational and vocational detention camps for the Uighur ethnic group in Xinjiang. The camps are part of the assimilation strategy of the government to assimilate the Uighurs. The camps are reported to execute

inhuman behavior involving threats and intimidation which relate to the stereotypical psychological elements and the Chinese government's double standard on the Uighur ethnic group.

Keywords: Xinjiang conflict, the Uighur ethnic group, Government of China, Conflict Triangle, human rights.

PENGENALAN


Xinjiang merupakan salah satu wilayah di utara-barat China yang menjadi perdebatan hangat pada masa kini. Ia bukan disebabkan kedudukan wilayah, sebaliknya terkenal apabila berlaku pertembungan dalam peradaban manusia sehingga membawa kepada pergolakan politik dan agama yang menghasilkan krisis kemanusiaan serta mengorbankan ribuan nyawa. Sehingga kini, pergolakan ini dilihat semakin meningkat dan tiada tanda-tanda yang menunjukkan ia dapat diselesaikan. Terbaru, Kerajaan China telah mula mengetatkan kawalan terhadap aktiviti harian etnik Uighur dan hal ini termasuk amalan keagamaan dan kebudayaan. Kay (2019) antara lainnya menjelaskan bahawa etnik Uighur ini berhadapan dengan pelbagai isu kehidupan dan dianaya apabila Kerajaan China memasang alat pengawasan berteknologi tinggi dan mempertingkatkan jumlah pasukan keselamatan untuk berkawal di wilayah ini. Bermula pada tahun 2014, satu dasar berbentuk program kem pendidikan pula diperkenalkan terhadap etnik Uighur dan penduduk beragama Islam bagi memerangi rakyat daripada menghidupkan anasir keganasan. Sejajar dengan itu, Walden (2021) melaporkan dalam ABC News bahawa 500 buah kem tahanan telah dibina di seluruh negara China dan sebanyak 28 kem dibina di Wilayah Xinjiang bagi menempatkan etnik Uighur. Kem-kem tersebut dinamakan sebagai Pusat Pendidikan dan Latihan Vokasional untuk memberi pendidikan tentang pembangunan negara. Namun, sebenarnya ia merupakan tempat untuk mendoktrinkan pemikiran etnik Uighur dan orang-orang Islam supaya setia dan patuh kepada Kerajaan China dan mengelakkan daripada pemberontakan dan tuntutan kemerdekaan. Antara tujuan asas dalam dasar Kem Pendidikan Semula ini ialah mengasimilasikan etnik Uighur supaya mengamalkan cara hidup berteraskan identiti negara China. Proses asimilasi

berbentuk paksaan ini pastinya ditentang oleh etnik Uighur kerana nilai-nilai seperti agama, budaya, bahasa dan etnik tidak boleh dikompromi, malahan wajib dipertahankan. Perbicaraan Kongres Amerika Syarikat pula menjelaskan kem ini merupakan pusat pendidikan politik yang melibatkan proses indoctrinasi dengan menanam ideologi komunis dan menghapuskan budaya, bahasa dan agama golongan minoriti (Kay, 2019). Oleh itu, wujud pertembungan etnik, agama, bahasa dan budaya antara Kerajaan China dan etnik Uighur yang tinggal di Wilayah Xinjiang. Pertembungan ini menjadi unik khususnya di Wilayah Xinjiang yang mana majoriti penduduk adalah etnik Uighur tetapi kuasa pemerintahan adalah dimiliki oleh Kerajaan China. Walaupun wilayah ini diberi kuasa autonomi kepada penduduk tempatan namun dikawal ketat oleh Kerajaan China. Sejak dengan itu, perbincangan dalam penulisan ini adalah bersifat kefahaman kes kajian melalui pengaplikasian konseptual Segi tiga Konflik dalam menerokai kefahaman baharu sesuai dengan perkembangan semasa. Dari sudut metodologi kajian terhadap penulisan ini, segala rujukan adalah melalui kaedah kualitatis yang melibatkan data sekunder. Data sekunder adalah melalui kajian perpustakaan yang melibatkan sumber data daripada buku, jurnal, sumber internet, surat khabar dan laporan kajian. Sumber data adalah menjuruskan kepada konsep penganalisisan yang berteraskan pengaplikasian teori bagi mendapatkan pemahaman sistematik berlandaskan Segi tiga Konflik yang diperkenalkan oleh Profesor Johan Galtung.

PENDEKATAN SEGI TIGA KONFLIK

Segi tiga Konflik merupakan kerangka konseptual yang digunakan dalam menganalisis kedinamikan konflik Uighur dalam penulisan ini dengan berlandaskan tiga komponen utama, iaitu situasi, sikap dan tingkah laku bagi kedua-dua aktor konflik. Pendekatan ini diperkenalkan oleh Johan Galtung pada tahun 1969. Profesor Johan Galtung merupakan seorang pakar dalam bidang konflik dan perdamaian dan dikenali sebagai ‘*Father of Peace Studies*’ atau ‘Bapa Kajian Perdamaian’. Beliau ialah ahli matematik, sosiologi, saintis politik dan pengasas disiplin kajian perdamaian. Beliau mengasaskan Institut Penyelidikan Keamanan Antarabangsa, Oslo pada tahun 1959, iaitu pusat penyelidikan akademik pertama di dunia yang memfokuskan kajian perdamaian, serta *Jurnal Penyelidikan Keamanan* yang

berpengaruh pada tahun 1964. Ketiga-tiga komponen Segitiga Konflik yang diperkenalkan oleh beliau, kemudiannya dikembangkan oleh C. R. Mitchell dalam bukunya '*The Structure of International Conflict*' seperti berikut:



Rajah 1.1 Segi tiga dalam perhubungan pihak berkonflik
(Mitchell, 1981)

Situasi merujuk kepada satu keadaan di mana dua atau lebih pihak merasakan bahawa mereka mempunyai kepentingan, pendapat atau matlamat akhir yang bertentangan. Dalam konflik yang bersifat simetrik, pertentangan ditentukan oleh kepentingan aktor-aktor konflik, manakala konflik asimetrik melibatkan pertentangan yang ditentukan oleh aktor konflik (Ramsbotham *et al.*, 2011). Matlamat akhir dalam konflik adalah merangkumi keputusan, keadaaan dan hasil yang diingini oleh aktor konflik. Justeru, matlamat akhir sering kali memberi gambaran tentang punca konflik. Ia boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu matlamat positif dan matlamat negatif. Bagi matlamat positif, ia melibatkan keadaan yang diimpikan atau yang dikehendaki secara sedar, manakala matlamat negatif pula melibatkan satu keadaan yang tidak diingini atau tidak dikehendaki dan cuba dielakkan. Selalunya, matlamat positif dirasakan terhad oleh aktor-aktor konflik dan cubaan untuk mendapatkannya itu mengakibatkan konflik. Matlamat negatif pula lebih mudah diselesaikan kerana melibatkan perkara-perkara yang diabaikan atau tidak mahu disentuh oleh kedua-dua pihak yang berkonflik (Galtung, 1997).

Sikap merujuk kepada keadaan psikologi seperti sikap harian, emosi, perangai, perkiraan, pandangan dan lain-lain lagi yang sering kali membawa kita kepada konflik ataupun yang wujud daripada penglibatan kita dalam konflik. Ia melibatkan perasaan dan emosi seseorang atau kumpulan. Sebagai contoh, perasaan marah, takut, cemburu, tidak percaya, benci dan lain-lain lagi. Stereotaip juga akan terbentuk, menyebabkan pihak yang berkonflik tidak mahu mendengar atau tidak mahu menerima maklumat yang boleh menukar pandangannya terhadap seseorang terutamanya pihak musuh. Pihak ini akan hanya melihat dunia dari kaca mata atau pandangan mereka sendiri dan menerangkan posisi mereka sahaja apabila disoal. Hal ini pasti akan menambahkan lagi keadaan konflik. Keadaan ini seterusnya akan menyebabkan salah faham akan bertambah. Kekecewaan, sakit hati dan perasaan marah juga akan bertambah. '*Double Standard*' akan wujud dan lakaran imej musuh kepada pihak-pihak yang bertentangan matlamat dengan kita, manakala pergerakan atau kelakuan pula dilihat sebagai tindakan yang mungkin akan membawa ancaman. Sikap boleh menjadi faktor utama di peringkat konflik yang tinggi, iaitu perasaan marah mungkin akan meningkat sehingga akan mengubah matlamat akhir kumpulan, iaitu bukan sahaja untuk mendapatkan kepentingan tetapi pada masa yang sama untuk mengalahkan, mendera atau memalukan pihak musuh. Pengalaman lalu berkenaan konflik, terutamanya melibatkan musuh yang sama akan memberi gambaran bagaimana untuk berurusan dengannya. Meskipun demikian, sikap juga boleh dijadikan faktor utama kepada penyelesaian sesuatu konflik (Mitchell, 1981). Namun begitu, sikap yang positif juga memberi kesan kepada penyelesaian konflik. Sikap yang tidak ganas dan menyelidik sebelum bertindak, mementingkan fakta dan perasaan yang positif antara pihak berkonflik mampu mengubah konflik ke arah yang membina dan mencapai penyelesaian (Antonino, 2015).

Elemen seterusnya ialah tingkah laku, iaitu merujuk kepada kelakuan atau tindakan oleh satu pihak dengan tujuan memaksa pihak lawannya supaya melupakan atau mengubah matlamat atau kepentingan mereka. Ia boleh menjadi strategi dalam konflik, iaitu satu pihak boleh bertindak secara langsung atau tidak langsung untuk meninggikan kos pihak lain dalam mencapai matlamat mereka atau untuk meneruskan perjuangan. Tingkah laku yang dimaksudkan boleh melibatkan keganasan atau ancaman, pujuhan,

rasuah dan lain-lain. Selalunya, ancaman menggunakan kekerasan mungkin menjadi perkara utama sebagai salah satu pilihan jika alternatif lain tidak berhasil. Dalam pembentukan konflik, sikap, tingkah laku dan situasi saling mempengaruhi antara satu sama lain. Sekiranya kita menekankan aspek tingkah laku sahaja, maka kita akan mengabaikan tujuan-tujuan di sebalik terjadinya konflik tersebut. Hal ini demikian kerana, setiap perbuatan berpunca daripada sikap dan pandangan pihak yang berkonflik. Meskipun begitu, jika hanya menekankan kepada sikap dan pandangan sahaja, maka kita gagal mengambil kira tentang situasi yang boleh membawa kepada perubahan tingkah laku. Dimensi tingkah laku berkaitan dengan ekspresi mental, verbal atau fizikal yang dikemukakan dalam konflik dan mereka mungkin merupakan pemikiran, kata, atau tindakan yang ditunjukkan ketika konflik terjadi. Tingkah laku juga boleh merosakkan dan boleh merangkumi apa sahaja yang mengungkapkan kebencian atau kurangnya rasa hormat terhadap pihak lawan. Unsur-unsur dalam tingkah laku tersebut boleh berupa penghinaan lisan, penderaan fizikal atau penolakan hak asasi manusia. Antara tiga ciri segi tiga konflik, tingkah laku adalah satu-satunya dimensi yang dapat dilihat kerana merangkumi tindakan yang jelas dan sedar, walaupun dapat juga disembunyikan ketika menyangkut masalah perkauman yang tersirat (Suhail, 2013).

Oleh itu, konflik dalam keadaan sebenar adalah kompleks dan mempunyai banyak dimensi. Ia juga tidak statik dan sentiasa berubah mengikut masa dan perhubungan antara ketiga-tiga faktor ini. Hubungan antara sikap dan tingkah laku seperti kekecewaan untuk mendapatkan matlamat akhir akan mendorong satu pihak meningkatkan usaha atau kelakuan untuk mendapatkan matlamat akhir itu. Usaha dan kelakuan yang dimaksudkan mungkin dari segi ugutan atau keganasan, manakala hubungan situasi dengan sikap berlaku apabila ketidaksesuaian kepentingan menimbulkan perasaan tidak percaya, stereotaip, prejudis dan '*double-standard*'. Hubungan tingkah laku dengan situasi seperti kejayaan atau kemenangan dalam sesuatu konflik akan mendorongnya menimbulkan lebih banyak isu yang berkaitan. Hubungan antara tingkah laku dengan sikap seperti keganasan dan kemusnahan akan meninggikan perasaan marah dan kekecewaan terhadap individu atau kumpulan, manakala kejayaan akan mempengaruhi perasaan kekitaan dalam kumpulan.

ETNIK UIGHUR DAN WILAYAH XINJIANG

Sebelum diberi nama Xinjiang, wilayah ini dikenali sebagai Turkistan Timur. Wilayah ini pada asalnya didiami oleh etnik Uighur dan kemudian telah dijajah oleh Kerajaan China. Kesan kepada penjajahan tersebut, Kerajaan China telah menjalankan dasar migrasi penduduk China ke wilayah tersebut dengan memasukkan etnik Han dalam jumlah yang ramai. Etnik Uighur yang merupakan penduduk majoriti di wilayah tersebut berbeza identiti dengan rakyat China. Mereka merupakan bangsa yang lebih mirip kepada negara Turki dan beragama Islam. Pertembungan identiti ini akhirnya membawa kepada pergolakan dan perlanggaran hak asasi manusia yang berpanjangan sehingga mereka diberi kuasa autonomi dalam pentadbiran pada tahun 1955 dan dikenali sebagai *Xinjiang Uyghur Autonomous Region* (XUAR) (Lehr, 2021). Etnik Uighur ini bukan sahaja berpusat di Wilayah Xinjiang tetapi terdapat di wilayah-wilayah lain seperti di Hunan, Gansu dan Schuan. Dari sudut kedudukan wilayah, Xinjiang merupakan kawasan pertembungan negara China dengan lima negara jiran rantau Asia Tengah iaitu Kazakhstan, Kyrgystan, Tajikistan, Afghanistan, Pakistan, Rusia dan melibatkan sempadan India dan Mongolia (Nurajirah, 2021). Keluasan wilayah ini adalah 1,655,826 kilometer persegi dan merupakan wilayah terbesar iaitu sebanyak 17 peratus daripada keluasan negara China. Wilayah ini subur dan kaya dengan sumber alam. Antaranya mengandungi bahan-bahan mineral semula jadi seperti arang batu, minyak dan gas asli di samping tanahnya yang subur membuatkan wilayah ini menghasilkan 80 peratus pengeluaran kapas negara (Muhsin, 2021).

Dari sudut populasi, wilayah ini pada awalnya didiami majoriti etnik Uighur. Namun semasa pemerintahan Dinasti Ming (1368-1644), berlaku penaklukan wilayah oleh Kerajaan China dan penerapan nilai-nilai penjajahan ke atas etnik Uighur. Keadaan tersebut menyebabkan berlakunya penghijrahan rakyat China khususnya etnik Han secara beransur-ansur ke wilayah ini sehingga jumlah etnik Uighur semakin berkurang. Menurut Muhsin (2021) dalam tulisannya, kini mereka berjumlah 45 peratus atau sekitar 10.5 juta sahaja berbanding 24 juta penduduk wilayah tersebut. Oleh itu, etnik Uighur bukan lagi bersifat majoriti di Wilayah Xinjiang pada masa kini, malahan proses kemasukan rakyat China di wilayah ini

masih diteruskan bagi tujuan mengurangkan penguasaan etnik Uighur terhadap wilayah mereka. Penguasaan etnik Uighur yang dilihat semakin berkurang membolehkan kerajaan melalui proses asimilasi terhadap agama Islam dan budaya Uighur. Sejak dahulu, etnik ini berpegang teguh kepada ajaran agama Islam dan masih mempertahankannya sehingga hari ini. Etnik Uighur mula menerima Islam pada abad ke-10 dan beransur-ansur menyerap masuk ke dalam budaya kehidupan mereka. Pada abad ke-16, mereka mulai dikenali sebagai penganut Islam dan berjaya mengekalkan kelangsungan agama dan cara hidup Islam. Terdapat tiga cara Islam masuk ke China, iaitu melalui dakwah para sahabat yang diutuskan oleh Nabi Muhammad SAW. dengan menggunakan jalan darat yang dikenali Laluan Sutera dari Tanah Arab ke China. Kedua, melalui perkahwinan yang mana kebanyakan mirip wajah orang di Asia Tengah termasuk Uighur menyerupai orang Arab, Turki, Parsi, Afghanistan, Uzbekistan dan Pakistan. Cara yang ketiga ialah melalui kegiatan perdagangan yang melibatkan jalan darat dan jalan laut. Penghijrahan pedagang Arab yang membawa bersama agama Islam ke China membuat mereka turut menyebarkan agama tersebut di samping beranak-pinak dengan orang-orang tempatan (Ismail, 2017).

ETNIK UIGHUR DAN SEJARAH KONFLIK

Etnik Uighur merupakan sekumpulan etnik berbahasa Turki yang tinggal di kawasan Asia Tengah yang terletak di Turkistan Timur. Ia merupakan kawasan yang sangat luas sebelum dipisah-pisahkan oleh Rejim Stalin. Antara negara-negara yang berada dalam Turkistan Timur ialah Turan, Turkmenistan, Uzbekistan, Kazakhstan, Kyrgistan dan Uighuristan. Bangsa ini sangat akrab dengan bangsa Turki dan menggunakan bahasa Turki kuno dalam pertuturan dan bahasa Arab dalam penulisan. Uighur berasal daripada perkataan Turki yang bermaksud “kerjasama” dan pernah wujud Empayar Uighur pada 17 ribu tahun dahulu di daerah Mu yang berkedudukan paling timur Turkistan. Pada tahun 1450, bangsa ini memeluk agama Islam apabila Sultan Sutuq Buqhra Khan yang menjadi pemerintah ketika itu telah mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi negara. Pada awalnya, wilayah ini dikenali sebagai Uighuristan dan kemudiannya ditukar nama kepada Xinjiang setelah berlaku penjajahan Dinasti Qing atau Kerajaan Manchu pada tahun 1884. Nama Xinjiang dikekalkan sehingga hari ini apabila pada

tahun 1911, Parti Komunis/Nasionalis China berjaya menguasai empayar Manchu, menyebabkan Xinjiang jatuh kepada Kerajaan China (Zairudin, 2019). Oleh itu, Wilayah Xinjiang hanyalah jelmaan nama China tetapi etnik Uighur masih tetap menggelar wilayah mereka sebagai Uighuristan yang lebih mirip kepada Turki. Kedudukan etnik Uighur di dalam kawasan Turkistan Timur mempunyai persamaan identiti dengan negara Asia Tengah yang lain termasuklah bahasa, tradisi, agama dan kebudayaan. Namun, pada tahun 1924 semasa penjajahan Rejim Bolshevik Rusia, Joseph Stalin telah membahagikan etnik Asia Tengah ini kepada Uighur, Kazakh, Lyrgyz, Ubzek, Turkmen, Bashkir dan Tatar (Hasyim, 2014). Etnik Uighur telah mendiami Wilayah Xinjiang yang subur ini sejak 2,000 tahun yang lalu dengan menjalani kegiatan pertanian. Wilayah yang subur ini melewati keluasan 1.6 juta kilometer persegi dan merupakan wilayah terbesar dalam negara China. Kerajaan China ingin mengekalkan wilayah ini dalam sempadan negaranya kerana beranggapan wilayah ini adalah sebahagian daripada warisan sejarahnya dan tidak pernah menjajahnya. Dari sudut persempadanan, wilayah ini terletak di sebelah utara yang bersempadan dengan Kazakhstan, timur laut bersempadan dengan Mongolia, manakala Tajikistan dan Kyrgistan bersempadan di sebelah barat laut dan Afghanistan dan Pakistan di sebelah barat daya.

Pergolakan politik etnik Uighur bermula setelah penjajahan Kerajaan Mongolia pada penghujung tahun 1600 Masihi. Namri (2019), dalam penulisannya, membahagikan sejarah perkembangan dan pembangunan etnik Uighur kepada empat fasa yang utama. Fasa pertama, iaitu zaman praempayar, bermula sekitar 300 sebelum Masihi sehingga tahun 630 Masihi. Seterusnya, fasa kedua bermulanya zaman empayar Uighur pada tahun 630 sehingga 840 dan kemudiannya mencapai kemuncak kegemilangan yang dikenali sebagai zaman Idiqut aau Qicho bermula pada tahun 840 sehingga 1600 Masihi. Namun, era kegemilangan ini berakhir apabila berlakunya penjajahan Kerajaan Mongol dan terhapusnya laluan sutera ke China yang menjadi laluan utama para pedagang (Namri, 2019). Namun begitu, kegemilangan ini dapat dibangunkan kembali dan mereka berjaya membentuk Kerajaan Turkistan Timur. Walau bagaimanapun kegemilangan ini tidak kekal lama apabila pada tahun 1876 Kerajaan Turkistan Timur telah ditakluki oleh Kerajaan Dinasti Qing dan kembali

dijajah. Selama lapan tahun etnik Uighur berjuang untuk mengembalikan wilayah mereka daripada penjajahan Kerajaan Manchu. Namun begitu, mereka menemui kegagalan sehingga menerima nasib tidak baik apabila kerajaan Manchu secara rasminya pada 18 November 1884 telah mengisyiharkan Wilayah Turkistan Timur sebagai sebahagian daripada wilayahnya dan menukar nama kepada Wilayah Xinjiang. Maksud Xinjiang dalam bahasa China ialah “Wilayah Baru” atau “*New Frontier*”. Wilayah yang dinamakan oleh Kerajaan China ini sebahagian besarnya didiami oleh etnik Uighur dan mendapat kuasa autonomi yang dikenali sebagai *Xinjiang Uighur Autonomous Region* (XUAR).

PUNCA KONFLIK

Konflik yang melibatkan etnik Han dan Uighur yang berlaku di Xinjiang memiliki sejarah yang cukup panjang. Pergolakan yang berpanjangan ini telah menimbulkan isu-isu lain yang boleh dijadikan punca kepada konflik ini. Punca konflik Uighur ini boleh dikategorikan kepada faktor sejarah penjajahan, diskriminasi agama, perlanggaran hak asasi manusia dan pembangunan ekonomi.

Dari sudut sejarah, terdapat beberapa sumber menjelaskan bahawa bermulanya penjajahan China ke atas wilayah Uighur adalah pada 1759, iaitu semasa pemerintahan Kerajaan Machu. Namun pada 1863, bangsa Uighur berjaya mengumpul kekuatan dan menghalau penguasaan China ke atas wilayah mereka yang dikenali sebagai Turkistan Timur dan memerintah selama 16 tahun. Walau bagaimanapun, kekuatan Uighur ini dicabar kembali oleh Kerajaan China apabila pada tahun 1878 dengan bantuan British sekali lagi China menyerang Turkistan Timur dan akhirnya berjaya menguasai wilayah tersebut dan ditukar nama kepada Xinjiang (“Penindasan etnik Uighur berterusan”, 2019). Peristiwa ini memberi kesan buruk kepada hubungan bangsa Uighur dengan pemerintah-pemerintah China. Malahan, keadaan semakin parah apabila timbul persepsi negatif rakyat China terhadap Islam dan penganutnya. Antaranya adalah pemahaman ‘Islam Fobia’ dan ‘Islam agama pengganas’ yang dicanangkan oleh Kerajaan China telah menyerap masuk dalam pemikiran rakyat khususnya bangsa Han yang majoriti dalam negara China. Pergolakan hubungan akibat penjajahan

ini berlanjutan sehingga hari ini bermula sejak era Dinasti Ching lagi sehingga tertubuhnya pemerintahan Komunis (Jais & Kassim, 2005). Bermula tahun 1949 setelah penaklukan ke atas Xinjiang, Kerajaan China telah memasukkan etnik Han yang merupakan etnik majoriti di China bagi mendiami wilayah tersebut. Pada awal penghijrahan etnik Han, jumlah etnik Uighur di Xinjiang adalah sebanyak 76 peratus. Namun, kini populasi telah berubah menjadi 42 peratus etnik Uighur dan 40 peratus etnik Han (Kay, 2019). Bermula dari itu, Kerajaan China tidak mengiktiraf Xinjiang sebagai tanah jajahan lagi tetapi telah menjadikannya sebahagian daripada negara China.

Rentetan daripada itu, berlaku penindasan terhadap bangsa Uighur apabila Kerajaan China bertindak mengasimilasikan etnik ini menjadi sama bangsa, agama dan budaya dengan bangsa Han sebagai majoriti di China. Keadaan ini boleh dilihat sebagai pertembungan budaya, agama dan identiti yang berbeza di wilayah Xinjiang sehingga membawa kepada pergolakan politik yang membawa kepada diskriminasi agama, pencabulan hak asasi manusia dan kemunduran ekonomi. Antaranya adalah perbezaan budaya dan identiti di wilayah tersebut yang mewujudkan ketidakseimbangan antara mereka. Uighur secara beransur-ansur menjadi minoriti akibat peningkatan jumlah etnik Han yang berhijrah ke wilayah itu. Etnik Uighur mempunyai nilai, sejarah dan bahasa yang berbeza daripada etnik Han. Penghijrahan etnik Han telah menyebabkan berlakunya pemaksaan identiti dan budaya Han kepada orang bukan Han atau “asimilasi”. Dalam dasar rasmi mengikut perlembagaan, China memang menerapkan prinsip egalitarian dan akomodasi. Walaupun ia tidak tertulis, tetapi aktiviti mengasimilasikan budaya Han terhadap minoriti Uighur jelas kelihatan. Sebagai contoh adalah penggunaan bahasa Cina (Putonghua) sebagai bahasa rasmi yang wajib dipertuturkan ketika berurusan di kaunter kerajaan.

Seterusnya, diskriminasi terhadap agama Islam. Islam merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan dan identiti orang Uighur di Xinjiang. Namun, pemerintah China telah melakukan sekatan ke atas kegiatan keagamaan mereka. Jumlah masjid di Xinjiang semakin berkurang jika dibandingkan pada tahun 1949. Sebuah badan NGOs *Earthrise Alliance* telah mengeluarkan imej satelit dan visual menunjukkan

36 masjid dan tapak keagamaan Islam telah dimusnahkan sejak 2017. Salah satunya ialah Masjid Heytikah di Wilayah Xinjiang yang telah dirobohkan dan dijadikan tempat parkir kereta. Bangunan dan kubah beridentitikan Islam telah dihapuskan. Di samping itu, dianggarkan 3 juta orang bangsa Uighur telah ditahan dalam ‘Kem Pendidikan’ bagi tujuan untuk menulis semula amalan Islam dengan budaya China. Bukan itu sahaja, institusi agama juga menghadapi sekatan yang ketat. Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan beribadah di masjid, begitu juga bagi pegawai parti komunis dan pegawai pemerintah. Institusi Islam lama yang lain menjadi bahagian kehidupan agama yang sangat penting di Xinjiang, termasuk persaudaraan sufi yang berpusat di makam pengasasnya dan memberikan khidmat kebajikan dan seumpamanya kepada anggotanya, adalah dilarang. Semua hal ehwal agama di China dikendalikan oleh Pentadbiran Negeri tetapi sekatan terhadap Islam dalam kalangan orang Uighur lebih keras daripada kumpulan lain, termasuklah Hui yang juga beragama Islam tetapi bertutur dalam bahasa Cina.

Selain itu, perlanggaran hak asasi manusia juga merupakan sumber berlakunya konflik di Xinjiang. China mengadakan kempen “*Strike Hard*” terhadap Uighur dan minoriti Islam di Xinjiang dengan menggunakan istilah “*genocide*” dan “*concentration camp*” (Abdelkader, 2020). Kempen yang dilakukan oleh pemerintah sebagai operasi melawan penganas itu telah melanggar perjanjian antarabangsa dan perlombagaan negara itu sendiri. Terdapat penyelidikan yang menunjukkan bahawa buruh Uighur diperdagangkan dalam rantai bekalan yang diandaikan oleh jenama multinasional. Begitu juga dengan dasar rasmi China yang mencairkan dan mengurangkan populasi Uighur juga melanggar undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. Bukan itu sahaja, pemerintah China juga melakukan penahanan, penyeksaan dan penganiayaan sewenang-wenangnya terhadap etnik Uighur di Xinjiang. Secara keseluruhannya, kawalan pemerintah terhadap kehidupan sehari-hari di Xinjiang, terutamanya mempengaruhi etnik Uighur, Kazakhstan dan minoriti etnik lain, telah melanggar larangan undang-undang antarabangsa terhadap diskriminasi.

Di samping itu, faktor ekonomi juga merupakan sumber berlakunya konflik di Xinjiang. Rancangan pembangunan ekonomi China di Xinjiang telah meningkatkan lagi konflik etnik di wilayah tersebut. Sejak tahun 1978, pembaharuan pasaran China dari syarikat milik negara menjadi model pasaran bebas telah menyebabkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan sebanyak 10 peratus rata-rata dan mengurangkan 500 juta atau lebih banyak orang dari kemiskinan. Di mata *People Republic of China* (PRC), pembangunan ekonomi semestinya mempunyai kesan sampingan dalam menjalankan hubungan sosial yang lebih baik. Pandangan mereka tentang pendapatan tinggi boleh memberi keadaan hidup yang lebih baik dan lebih banyak peluang menjalani kehidupan yang lebih baik sememangnya menenangkan kegelisahan orang yang berada di pinggir hidup. Namun, perkembangan ekonomi di Xinjiang, secara paradoks nampaknya telah meningkatkan konflik etnik kerana interaksi ekonomi baharu seperti migrasi etnik Han, menyebabkan berlaku perbezaan pendapatan antara etnik dan polisi, dan amalan yang ketat dan diskriminatif dengan faktor sosial yang ada seperti agama, pendidikan dan ketersinggan. Hal ini dapat dilihat apabila taburan ruang orang Uighur dan etnik Han terbahagi kepada dua, iaitu etnik minoriti menguasai Xinjiang selatan yang terdiri daripada kawasan pertanian dan luar bandar yang kurang maju, manakala majoriti etnik Han tinggal di pusat bandar yang moden dan maju di utara Xinjiang.

ISU DAN KEDINAMIKA KONFLIK

Sejak tahun 1949, Wilayah Autonomi Xinjiang Uyghur (XUAR) telah dilanda pelbagai demonstrasi dan keganasan antara bangsa Uighur dan bangsa Han. Pergolakan ini membuatkan Kerajaan China menubuhkan *People's Liberation Army's* (PLA) dan *Peaceful Liberation* di Wilayah Autonomi Xinjiang Uighur, manakala di pihak Uighur melancarkan siri pemberontakan dan serangan ke seluruh wilayah. Pada tahun 1950, pemimpin pemberontakan Uighur menganjurkan satu serangan sementara pemimpin yang lain menganjurkan lima pemberontakan terhadap PLA. Walau bagaimanapun, serangan ini dapat dipatahkan oleh PLA (Davis, 2008). Pada tahun 1951, Uighur meneruskan usaha mereka untuk kemerdekaan melalui perjuangan bersenjata namun berjaya ditindas oleh PLA. Pada tahun 1952, retorik agama mula terjalin ke dalam usaha pemberontakan.

Pan-Turki didakwa menubuhkan “Parti Perikatan Islam” untuk merancang pemberontakan bersenjata menentang pemerintah, sementara pemimpin Uighur lain menubuhkan dan mengetuai “tentera agama” untuk bangkit menentang Parti Komunis China.

Pada tahun 1953 hingga 1957, aktiviti pemberontakan berkurang. Pada tahun 1953, tiada protes atau keganasan berlaku, manakala dari tahun 1954 hingga 1957 terdapat satu hingga dua pemberontakan Uighur berlaku setiap tahun dan pemerintah bertindak balas dengan mengambil peserta tahanan. Di sini dapat kita lihat konflik berkurang pada tahun 1953 dan mula meningkat sedikit pada tahun berikutnya. Pada tahun 1962, disebabkan kesusahan mengikuti ‘*Great Leap Forward*’, migrasi besar-besaran daripada 62,000 orang Uighur dan Kazakh melarikan diri ke Kazakhstan untuk melepaskan diri dari kebuluran. Dari tahun 1962 hingga 1966, tiada demonstrasi atau peristiwa ganas yang berlaku antara Uighur dan Han. Bagi tahun 1966 hingga 1979, bahagian sebelumnya telah merangkumi perjuangan antara Uighur dan Han. Tunjuk perasaan dan keganasan sebelum 1975 telah dimulakan oleh Uighur terutamanya adalah untuk memberontak terhadap penjajahan Kerajaan Xinjiang.

Pada tahun 1975, trend protes dan keganasan berubah. Pendatang Han di Xinjiang memulakan tunjuk perasaan dan keganasan terhadap Beijing atas alasan ekonomi. Pada tahun 1979, para pemuda Shanghai mengemukakan petisyen dua kali untuk pulang namun Beijing menolak permintaan mereka. Pada tahun 1980, para pemuda terus melakukan protes. Dari sini menunjukkan, gabungan konflik Han dan Uighur dengan pemerintah, dan antara satu sama lain terus meningkat. Ketegangan meningkat antara Uighur dan Han atas alasan politik, budaya dan ekonomi. Oleh kerana pemerintah dan penduduk China menakluki minoriti agama kepada pinggiran politik dan ekonomi pada tahun 1970-an dan 1980-an, demonstrasi jalanan oleh Uighur memuncak pada tahun 1990-an yang menuntut hak ekonomi dan sosial. Pada tahun 1990-an, sokongan terbuka untuk kumpulan pemisah meningkat setelah kejatuhan Kesatuan Soviet dan kemunculan negara-negara Islam yang merdeka di Asia Tengah. Walaupun keadaannya rumit, ketegangan etnik berlaku disebabkan oleh faktor ekonomi dan budaya yang merupakan punca keganasan yang berlaku pada waktu itu. Oleh kerana

orang-orang Han diberikan pekerjaan terbaik dan majoriti melakukannya dengan baik dari segi ekonomi telah menimbulkan kebencian dalam kalangan Uighur. China telah dituduh meningkatkan tindakan kerasnya terhadap orang Uighur setelah tunjuk perasaan di jalanan pada tahun 1990-an dan sekali lagi berlaku menjelang Sukan Olimpik Beijing pada tahun 2008. Pada tahun 2009, ketegangan Uighur mencapai titik akhir dan kerusuhan etnik berskala besar terjadi di Urumqi, ibu kota wilayah Xinjiang. Menurut pegawai pemerintah China, kira-kira 200 orang Han terbunuh dalam rusuhan ini, yang mengakibatkan peningkatan tindakan keras pemerintah terhadap penduduk Uighur.

Tindakan keras tersebut telah meningkatkan konflik etnik dan pemimpiran Uighur yang lebih besar, yang menyebabkan lebih banyak pemberontakan dan keganasan daripada beberapa kumpulan pemisah Uighur. Serangan antipemerintah yang ganas ini memuncak pada tahun 2014, yang menyebabkan peningkatan pengawasan dan penindasan pemerintah yang melampau dengan tujuan untuk mengubah etnik Uighur menjadi warganegara yang setia dan penyokong parti itu. Pada awal tahun 2017, pemerintah China menerapkan sistem berstruktur untuk menukar Uighur. Pemerintah memperkenalkan pengawasan berteknologi tinggi dan mulai memenjarakan Uighur di “Kem Pendidikan Semula”. Penindasan orang Cina terhadap orang Uighur menjadi usaha sistematik untuk menghapuskan identiti budaya dan agama Uighur. Berdasarkan kejadian-kejadian yang berlaku sejak tahun 1949, dapat dilihat konflik tersebut semakin meningkat dan menjadi lebih serius. Berlaku lebih banyak keganasan dan penindasan terhadap orang Uighur di wilayah itu.

PEMAHAMAN KONFLIK DARI SUDUT PERSPEKTIF SEGI TIGA KONFLIK

Pergolakan konflik Uighur di Xinjiang bermula tahun 1949 boleh difahami berdasarkan tiga elemen utama dalam pendekatan Segi tiga Konflik. Elemen ini ialah situasi, sikap dan tingkah laku sepetimana yang dibincangkan oleh Mitchel (1981) dalam kerangka konseptual tersebut. Elemen situasi membawa maksud pertentangan matlamat akhir antara bangsa Uighur dan Kerajaan China sememangnya berlaku. Keadaan ini berlaku dan melibatkan perebutan

Wilayah Xinjiang atau Turkistan Timur. Kerajaan China, selepas menguasai bangsa Uighur, mengisytiharkan bahawa ia adalah sebahagian daripada negara China. Di pihak bangsa Uighur pula sampai ke hari ini masih menegaskan bahawa Xinjiang adalah wilayah mereka, iaitu bangsa Uighur yang beragama Islam dan jauh berbeza dari sudut identiti seperti bahasa, bangsa, budaya dan agama dengan bangsa Han yang majoriti di negara China. Malahan, mereka menegaskan bangsa mereka lebih mirip dengan bangsa Turki di Asia Tengah. Pertembungan yang berasaskan perebutan wilayah ini membawa kepada konflik keganasan yang mengorbankan ribuan nyawa apabila masing-masing masih mengekalkan matlamat akhir positif mereka. Matlamat akhir seperti yang dibincangkan dalam Pendekatan Segi tiga Konflik yang bersifat positif ialah sesuatu sangat terhad yang diinginkan secara sedar dan diperjuangkan oleh kedua-dua pihak. Kerajaan China khususnya memperkenalkan ‘Kem Pendidikan Semula’ yang menempatkan ratusan ribu etnik Uighur supaya mencapai hasrat mereka untuk mengasimilasikan etnik Uighur ke dalam budaya China. Begitu juga dengan etnik Uighur apabila bermati-matian mempertahankan identiti mereka dan sangat terhad untuk memerdekaan wilayah yang didiami mereka. Oleh hal yang demikian, dapat dijelaskan di sini bahawa situasi konflik yang dihadapi oleh kedua-dua pihak ini amat kritikal apabila matlamat akhir bagi kedua pihak ini adalah sangat terhad dalam masa yang sama konflik ini terperangkap dalam isu nilai yang sememangnya sukar mendapatkan penyelesaian. Konflik nilai bukan sesuatu yang boleh diselesaikan dan perlu dicegah atau ditransformasikan kepada isu berbentuk material. Sebagai contoh, masakan aktor-aktor konflik boleh berkompromi atau mengorbankan nilai mereka seperti agama, bangsa, bahasa, budaya dan lain-lain lagi semata-mata untuk mendapatkan penyelesaian. Elemen nilai bukan sesuatu yang boleh digadai atau dikompromi untuk mencapai sesuatu matlamat. Perkara ini boleh menjadi matlamat akhir yang bersifat negatif bagi kedua-dua pihak yang mana sesuatu keadaan yang tidak diingini dan cuba dielakkan oleh kedua-dua pihak. Etnik Uighur sememangnya tidak mahu identiti mereka disentuh oleh Kerajaan China. Konflik Xinjiang kini telah berkembang daripada pergolakan perebutan wilayah (konflik material) kepada konflik nilai setelah kerajaan melaksanakan dasar asimilasi melalui program ‘Kem Pendidikan Semula’ ke atas etnik Uighur. Kupasan tentang konflik nilai akan dibincangkan dalam penulisan-penulisan yang akan datang.

Situasi pertembungan kepentingan antara Kerajaan China dengan etnik Uighur ini mempunyai perkaitan dengan elemen sikap. Elemen ini adalah faktor dalam abstrak bagi menentukan turun naik intensiti sesuatu konflik. Sikap seperti yang dibincangkan adalah komponen psikologi yang melibatkan emosi, perangai, perkiraan, sikap harian, pandangan dan lain-lain lagi. Elemen psikologi ini termasuklah perasaan marah, cemburu, takut, tidak percaya, benci dan lain-lain yang akhirnya membawa kepada stereotaip, *double standard* dan prejudis. Komponen psikologi dalam elemen sikap ini sememangnya berlaku dalam konflik Xinjiang. Kerajaan China khususnya hari ini begitu rancak merancang dan melaksanakan dasar-dasar yang bersifat asimilasi ke atas etnik Uighur bagi membentuk satu bangsa China yang sama identiti. Dasar-dasar ini hakikatnya berpuncu daripada elemen sikap seperti perasaan marah, benci, tidak percaya, takut, stereotaip dan prejudis terhadap etnik Uighur. Sebagai contoh, elemen stereotaip wujud dalam Kerajaan China apabila tidak mahu mendengar dan memahami adat resam dan agama etnik Uighur. Salah satu dasar yang diperkenalkan ialah membawa masuk etnik Han dalam jumlah yang sebegini ramai di Wilayah Xinjiang bagi menghapuskan jumlah majoriti etnik Uighur. Ekoran daripada itu, diperkenalkan polisi penggunaan bahasa Cina (Putonghua) sebagai bahasa rasmi yang wajib dipertuturkan ketika berurusan dengan kaunter-kaunter kerajaan. Kerajaan China seakan melihat dunia melalui kaca matanya sendiri dan hanya menjelaskan posisinya sahaja tanpa menerima perbezaan yang wujud di Xinjiang. Sikap ini telah memberi kesan yang dahsyat kepada etnik Uighur apabila wujudnya diskriminasi terhadap agama Islam. Pelbagai sekatan dikenakan kepada etnik Uighur dalam menjalankan kegiatan agama. Sebagai contoh, Masjid Heytikah yang menjadi tumpuan ramai etnik Uighur di Wilayah Xinjiang bagi tujuan ibadat telah dirobohkan dan dijadikan tempat parkir kenderaan. Laporan daripada NGOs *Earthrise Alliance* telah mengeluarkan imej satelit dan visual menunjukkan 36 masjid dan tapak keagamaan Islam telah dimusnahkan sejak 2017. Tindakan seperti ini dilihat semakin tidak terkawal *double standard* Kerajaan China ke atas etnik Uighur kesan salah faham dan kekecewaan, sakit hati dan perasaan marah yang semakin bertambah sepanjang konflik ini berlangsung. Semakin panjang konflik berlaku, maka semakin bertambah elemen sikap dan psikologi negatif dalam kalangan aktor-aktor yang berkonflik. Keadaan ini sedang berlaku di Xinjiang apabila etnik Uighur menjadi lakaran musuh di mata Kerajaan China.

Lakaran musuh dalam sikap Kerajaan China ini pastinya mewujudkan tingkah laku negatif terhadap etnik Uighur. Elemen tingkah laku ini wujud daripada sikap yang menentu sesuatu keputusan yang dibuat oleh aktor konflik. Antara yang jelas tingkah laku Kerajaan China ialah pemaksaan untuk mengubah atau melupakan matlamat atau kepentingan etnik Uighur. Pelbagai dasar dan strategi yang bertindak secara langsung atau tidak langsung telah dilaksanakan bagi meninggikan kos etnik Uighur dalam mencapai hasrat kemerdekaan yang diperjuangkan. Antara yang dilaksanakan seperti ancaman, ugutan dan pujukan bagi melupakan hasrat mereka. Tindakan perlenggaran hak asasi manusia melalui kempen *Strike Hard* dengan menggunakan istilah *genocide* dan *concentration camp* merupakan pendekatan ancaman dan ugutan terhadap etnik Uighur yang berlindung di bawah operasi memerangi pengganas. Keadaan ini memberi ruang kepada Kerajaan China untuk melakukan penindasan ke atas etnik Uighur tanpa pemerhatian masyarakat antarabangsa. Tindakan seperti penahanan, penyeksaan dan penganiayaan sewenang-wenangnya terhadap etnik Uighur di Xinjiang dilakukan di bawah kempen perangi pengganas global. Selain itu, kawalan pemerintah terhadap kehidupan sehari-hari di Xinjiang, yang terutamanya mempengaruhi etnik Uighur, Kazakhstan, dan minoriti lain, telah melanggar larangan undang-undang antarabangsa terhadap diskriminasi.

KESIMPULAN

Konflik Uighur bukan sesuatu yang baharu untuk diperkatakan. Bermula pada tahun 1946 setelah penjajahan Kerajaan China ke atas Wilayah Turkistan Timur ini sehingga hari ini, didapati konflik ini masih mengalami proses dinamiknya. Intensiti konflik dilihat naik dan turun saban hari tanpa apa-apa penyelesaian yang konkret. Malahan, tragedi pembunuhan, perogolan, tahanan tanpa sah dan lain-lain lagi yang melanggar hak asasi manusia tiada berkesudahan. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, penganalisisan konflik Uighur melalui pendekatan Segi tiga konflik sebagai alternatif kefahaman memperlihatkan bahawa elemen situasi, sikap dan tingkah laku dalam konflik ini saling bersangkutan antara satu sama lain. Dari sudut situasi, dapat disimpulkan bahawa berlaku pertindihan matlamat akhir antara Kerajaan China dan etnik Uighur apabila mereka

berebut penguasaan ke atas Wilayah Xinjiang yang dilihat sangat subur dan berpotensi menjadi sumber ekonomi. Perebutan ini telah membawa kepada konflik yang berpanjangan dan menimbulkan isu-isu lain. Secara jelasnya, isu wilayah telah berkembang menjadi isu nilai melibatkan agama, bangsa dan identiti. Keadaan ini dapat disimpulkan bahawa konflik wilayah pada awalnya telah bertukar kepada konflik nilai yang sememangnya sukar untuk mencapai penyelesaian. Namun, sekiranya konflik ini dapat dikawal dengan merangkumi isu wilayah sahaja, berkemungkinan ia dapat diselesaikan melalui rundingan sama ada boleh membahagikan wilayah tersebut secara adil dan disepakati bersama. Walau bagaimanapun, tiada kawalan ke atas konflik ini kerana tiada negara luar yang ingin campur tangan sebagai orang tengah untuk menyelesaikan konflik ini. Akibatnya, kedua-dua aktor konflik ini membentuk sikap yang marah, tidak percaya, stereotaip dan bermusuhan. Elemen psikologi ini akhirnya dilihat menjadi elemen dalaman yang mendorong kepada peningkatan intensiti konflik. Ketidakpercayaan antara satu masa lain secara tidak langsung menutup pintu kedua belah pihak untuk mendengar penjelasan dan hasrat masing-masing menyebabkan jalan penyelesaian sukar dicari. Setiap aktor hanya melihat dari perspektif sendiri dan senang melabelkan musuhnya dengan perkara negatif yang akhirnya membawa kepada tingkah laku pemaksaan, ancaman, ugutan dan lain-lain lagi. Antara yang jelas berlaku ialah diskriminasi agama Islam apabila masjid-masjid telah dirobohkan dan etnik Uighur dipaksa untuk tidak berpuasa dan bersembahyang menunjukkan tingkah laku negatif yang melanggar hak asasi manusia. Kerajaan China khususnya mulai tidak terkawal dari sudut emosi apabila bertindak melanggar hak asasi manusia dan sanggup bertindak mengasimilasikan etnik Uighur ke dalam budaya China. Antara usaha-usaha yang dijalankan secara pemaksaan adalah seperti kem pendidikan vokasional, penghantaran pasukan keselamatan yang ramai dan memasukkan etnik Han di Wilayah Xinjiang sehingga bagi tujuan menghapuskan penguasaan etnik Uighur di Wilayah Xinjiang.

RUJUKAN

- Abdelkader, E. (2020). China's repression of Uighur Muslims: A human perspective in historical context. *UCLA Journal of Islamic and Near Eastern Law*, 18(1). <https://escholarship.org/content/qt1k29z0fc/qt1k29z0fc.pdf?t=qlc56t>
- Antonino, D. (2015). *Improving Galtung's A-B-C to a scientific theory of all kinds of conflict*. <https://raco.cat/index.php/ArsBrevis/article/view/311713/401767>
- Davis, E. V. W. (2008). Uyghur Muslim ethnic separatism in Xinjiang, China. *Asian Affairs: An American Review*, 35(1), 15-29. <https://www.jstor.org/stable/i27821500?refreqid=excelsior%3Ae69aa15a12c9b9baab28d313665d51dc>
- Galtung, J. (1997). *Peace by peaceful means: Peace and conflict, development and civilization*. London: SAGE.
- Hasyim, I. (2014). *Sejarah bangsa Uighur?* <http://www.ibnuhasyim.com/2014/12/sejarah-bangsa-uighur.html>
- Ismail, S. (2017). Minoritas Muslim di China: Perkembangan, sejarah dan pendidikan. *Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, 10(1), 143-174. <http://ejournal.radenintan.ac.id/index.php/ijtimaiyya/article/download/2359/1753>
- Jais, A. W., & Kassim, F. (2005). Perkembangan suasana politik Muslim di Xinjiang, China. Satu tinjauan umum dari perspektif sejarah peradaban. *Journal of Al-Tamaddun*, 1(1), 167-196. <http://commonrepo.um.edu.my/12597/6/Page%20167-196.pdf>
- Kay, S. (2019). *Siapa sebenarnya etnik Uighur dan mengapa kerajaan China menindas mereka?* <https://iluminasi.com/bm/siapa-sebenarnya-etnik-uighur-dan-mengapa-kerajaan-china-menindas-mereka.html>
- Lehr, A. K. (2021). *Addressing forced labor in the Xinjiang Uyghur Autonomous Region*. <https://www.csis.org/analysis/addressing-forced-labor-xinjiang-uyghur-autonomous-region>
- Mitchell, C.R. (1981). *The structure of international conflict*. The City University, London: The Macmillan Press Ltd.
- Muhsin, N. (2021). Tragedi etnik Uighur di Xinjiang, China: Peranan sistem filantropi Islam di Malaysia. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 3(1). http://journal.zakatkedah.com.my/wp-content/uploads/2021/04/Vol.-3-Issue-1_29-43.pdf
- Namri, S. (2019). *Fahami sejarah masyarakat Uighur: Minoriti dalam tanah asal sendiri*. <https://iluminasi.com/bm/apa-itu-masyarakat-uyghur-di-china.html>
- Nurajirah, M. (2012). *Keselamatan negara China: Kajian perbandingan puak pemisah di Tibet dan di Xinjiang*. Tesis Sarjana (tidak ditebitkan). Universiti Kebangsaan Malaysi, Bangi.
- Penindasan etnik Uighur berterusan. (2019). <https://www.sinarharian.com.my/article/31491/GLOBAL/Penindasan-etnik-Uighur-berterusan>
- Ramsbotham, O., Woodhouse, T., & Miall, H. (2011). *Contemporary conflict resolution* (3rd ed.). Cambridge: Polity Press.

- Suhail, E. (2013). *Entrenched ethnic violence: An analysis of conflict attitudes among the unaccompanied refugee children in the HBV House in the Smaland Region*. Master Thesis (Unpublished). Linnaeus University, Sweden.
- Walden, M. (2021). *China's Xinjiang a 'dystopian hellscape' for Muslims, new Amnesty report says*. <https://www.abc.net.au/news/2021-06-11/china-xinjiang-dystopian-hellscape-muslims-uyghurs-amnesty/100202182>
- Zairudin, H. (2019). *Umat Islam Uyghur ditindas? Kami ceritakan sejarah ringkas mereka* <https://orangkata.my/agama/umat-islam-uyghur-ditindas-kami-ceritakan-sejarah-ringkas-mereka/>

CHE MOHD AZIZ BIN YAACOB (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau merupakan tenaga pengajar utama di Pusat Pengajian Antarabangsa dalam kes-kes pengurusan dan penyelesaian konflik antarabangsa. Bidang utamanya ialah Konflik dan Perdamaian yang memfokuskan kepada Penyelesaian Konflik, Konflik Transformasi dan Pembinaan Perdamaian. Beliau turut menjalankan kajian berkaitan dengan kes-kes konflik di Asia Tenggara khususnya dalam konflik di selatan Thailand. Beliau juga ialah penyelidik dalam bidang keselamatan negara khususnya yang berkaitan dengan *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS) dalam bidang *Security Studies* termasuk kes-kes di sempadan negara (*Borders Study*).

NOR AZURA A RAHMAN ialah pensyarah di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang Hubungan Antarabangsa daripada *Flinders University of South Australia* dan kini diperingkat akhir pengajian Doktor Falsafah dalam bidang Falsafah Sains Politik di University of Bonn, Jerman. Beliau sangat meminati penulisan dalam isu-isu politik antarabangsa, terutamanya yang melibatkan hal ehwal pembentukan sesebuah kerajaan dan negara bangsa. Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan (sebagai ahli), termasuklah kajian kepimpinan di Parlimen Malaysia dan kajian ke atas hubungan parti-parti politik tempatan. Beliau juga meminati penulisan ulasan buku-buku politik.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa

(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)